


MULA



CECAHAN PERKEMBANGAN TARIQAT
AHMADIYAH DI PASIR PUTEH,
KELANTAN.

OLEH

CHE ZARRINA SA'ARI

DIBIMBING OLEH:

DR. ABDUL HALIM H. MAT DIAH

110300

FAKULTI USULUDDIN AKADEMI ISLAM

UNIVERSITI MALAYA

JANUARI 1990

FAKULTI USULUDDIN

AKADEMI ISLAM


UNIVERSITI MALAYA

SEJARAH PERKEMBANGAN TARIQAT
AHMADIYAH DI PASIR PUTEH,
KELANTAN.

OLEH

CHE ZARRINA SA'ARI


Latihan ilmiah ini diterima oleh Fakulti Usuluddin
bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda
Usuluddin sesi 1989 / 90.



PENYELIA
(DR. ABDUL HALIM MAT DIAH)

16.01.1990

TARIKH



DEKAN

5.2.1990

TARIKH

DEDIKASI

Ayahanda...

kian tua dirimu didakap usia
kian banyak wasiat yang kau tinggalkan
penyegar jasmani dan batinku
membimbing dengan pengorbanan yang tidak bisa luput
melihat kematangan yang belum bertaut

Bonda...

lesu wajahmu memandang hari
membilang waktu kedewasaan anakmu
kini, aku kian melangkah
bersama doa restu
beriring pengorbanan
bersaing dengan galakan

Aku arif....

kasih sayang kalian tak bisa berbalas
walau selautan budi ku tabur
pasrahku hanya pada Ilahi
agar kalian dibawah lembayung keredhaanNya

Buat abang.....

dalam kedewasaan ini
terungkai sekalung doa
moga dirimu dibaluti keriangian
restu kudus dari Ilahi
dan.....
agar dikau makin dekat dengan Tuhan

Untuk adik Jue, Ayu dan Imad.....

sesekali renunglah ke hadapan
bayangkan titisan kasih ayahanda bonda
sisiplah kemampuan yang ada
penuhi dada kalian dengan ilmu nafi^c
jadikan diri kalian Insan Muttaqin

Dan buat teman-teman tersayang-.....
dalam desiran ucapan terima kasih
sejambak kasih dalam rangkuman
seraut wajah dalam impian
setelah perpisahan meragut kenangan
lalu.....
di setiap kali sepi menyapa
aku lakarkan sebuah memori
pada bait-bait kata
erti sebuah kemesraan yang tidak bernama
dan..... harapanku
kalian penegak Kebenaran

Ayahanda bonda
jua mereka yang menyayangiku
lalu ku persembahkan
sumbangsih ku ini pada kalian.....


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قال الإمام الغزالي رحمه الله تعالى:

وَالْعِلْمُ النَّافِعُ مَا يَزِيدُ فِي خَوْفِكَ مِنَ اللَّهِ
تَعَالَى وَيَزِيدُ فِي بَصِيرَتِكَ بِعُيُوبِ نَفْسِكَ
وَيَزِيدُ فِي مَعْرِفَتِكَ بِعِبَادَةِ رَبِّكَ عَزَّ وَجَلَّ وَيُقَلِّلُ
مِنْ رَغْبَتِكَ فِي الدُّنْيَا وَيَزِيدُ فِي رَغْبَتِكَ فِي الْآخِرَةِ
وَيَفْتَحُ بَصِيرَتَكَ بِأَفَاتِ أَعْمَالِكَ حَتَّى تَحْتَرِزَ
مِنْهَا وَيُطْلِعَكَ عَلَى مَكَائِدِ الشَّيْطَانِ وَغُرُوبِهِ.

Iman al Ghazaly telah berkata:

"Ilmu yang memberi menafaat ialah ilmu yang menambah ketakutan kamu kepada Allah Taala, menambah penglihatan kamu tentang kecelaan diri mu, menambah pengetahuan kamu mengenai Tuhanmu yang Maha Mulia, mengurangkan keinginanmu kepada dunia dan menambah kegemaranmu kepada akhirat dan yang membuka basirahmu tentang perkara yang boleh membinasakan ilmu sehingga kamu menjauhinya serta yang menyedarkan dirimu dari tipu daya syaitan."



ABSTRAK

CHE ZARRINA BT. SA'ARI " Sejarah Perkembangan Tariqat Ahmadiyah Di Pasir Puteh, Kelantan " .

Kertas Projek, Kuala Lumpur: Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990.

Kajian ilmiah ini dibuat di jajahan Pasir Puteh dengan penumpuan penyelidikan di Pondok Bukit Abal. Tujuan Kertas Projek ini adalah untuk memenuhi salah satu syarat melayakkan penulis mendapat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ciri-ciri tasauf Islam mula diperlihatkan dalam cara penghidupan dan pengibadatan Rasulullah s.a.w. lagi. Kemudian ia turut dipraktikkan oleh para sahabat dan tabi^cin. Hasil daripada perkembangan tasauf inilah, lahirnya berbagai jenis dan corak amalan serta tariqat. Penulis juga membincangkan tentang definisi tariqat dan tasauf, matlamat tariqat tasauf yang berbagai, al Quran dan al Sunnah yang dijadikan sumber serta hubungan erat di antara tasauf, ^caqidah, shari^cat dan hakikat. Hasil daripada perkembangan yang pesat telah melahirkan Tariqat Ahmadiyah yang menjadi objek perbincangan penulis di dalam Kertas Projek ini.

Tariqat Ahmadiyah dipelopori oleh Sidi Ahmad b. Idris pada abad ke. 19 M. Kemudiannya diwarisi oleh Sidi Ibrahim al Rashidi (m 1872). Sidi Ahmad b. Muhammad al Dandarawi (m 1909), waris keti-

ga yang menerajui tariqat ini telah mengembangkannya hingga ke Asia Tenggara termasuk Malaysia.

Di Kelantan, Tariqat Ahmadiyah mula muncul pada tahun 1895 M yang diperkenalkan oleh Haji Abdul Samad b. Muhammad Salleh al Kelantani (Tuan Tabal). Selepas kematian beliau tariqat ini diamal dan diajar kepada masyarakat oleh kaum kerabatnya. Sebelum tahun 1965, berlaku berbagai kontroversi mengenai Tariqat Ahmadiyah apabila muncul seorang lagi tokoh, Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi yang turut memperkenalkan Tariqat Ahmadiyah tetapi dengan cara dan bentuk amalan yang agak berbeza.

Selepas kematian keluarga Tuan Tabal, Haji Daud b. Haji Oman al Labadi telah meneruskan amalan tariqat ini di jajahan Pasir Puteh. Daripada objek inilah, penulis ingin mengkajinya daripada aspek-aspek berikut:

- i. Proses perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh.
- ii. Pokok-pokok ajaran Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh.
- iii. Pengaruh Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh.

Hasil penyelidikan mengenai objek ini ialah:

- i. Tariqat Ahmadiyah mendapat sambutan daripada hampir semua golongan masyarakat dan telah tersebar ke seluruh negeri Kelantan.
- ii. Tariqat Ahmadiyah mempunyai zikir-zikir yang perlu diamal oleh pengamalnya. Ia juga mempunyai bentuk amalan yang

mudah dan senang untuk dipraktikkan.

iii. Tariqat Ahmadiyah mempengaruhi masyarakat samada^{a/} dari segi kehidupan rohani dan jasmani. Mereka dapat dilahirkan sebagai insan yang bertaqwa.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي جعل ذكره دليلا على محبته لعباده كله وجعله سببا في ذكر الله تعالى لهم كما قال سبحانه وتعالى (فاذكروني اذكركم) فهنيئا للذاكرين ، والحمد لله الفائل : هو الذي بعث في الاميين رسولا منهم يتلو عليهم اياته ويزكيهم ويفلمهم الكتاب والحكمة ، والصلاة والسلام على امام الانبياء والمرسلين ، افضل الخلق قاعبه وعلى اله الطاهرين وصحبه المكرمين .

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah s. w. t. kerana dengan limpah kurniaNya serta taufiq dan hidayatNya, maka penulis berhasil menyiapkan kajian ilmiah yang berbentuk Kertas Projek ini, meskipun menghadapi pelbagai rintangan dan kesukaran.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam membantu dan memberi sumbangan samada berbentuk tenaga, masa, buah fikiran, bahan-bahan penyelidikan, bimbingan dan galakan kepada penulis dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini.

Terlebih dahulu, jutaan terima kasih penulis rakamkan buat Yang berbahagia Al Ustaz Dr. Abdul Halim b. Mat Diah selaku penyelia dan pembimbing penulis, merangkap penyelaras Kertas Projek di Fakulti Usuluddin, Akademi Islam. Penghargaan yang tidak terhingga

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي جعل ذكره دليلا على محبته لعباده كله
وجعله سببا في ذكر الله تعالى لهم كما قال سبحانه وتعالى
(فاذكروني اذكرکم) فهنيئا للذاكرين ، والحمد لله الفائل :
هو الذي بعث في الاميين رسولا منهم يتلو عليهم اياته
ويزكيهم ويفلمهم الكتاب والحكمة ، والصلاة والسلام على امام
الانبياء والمرسلين ، افضل الخلق قاطبه وعلى اله الطاهرين
وصحبه المكرمين .

Alhamdulillah, syukur ke hadhrat Allah s. w. t. kerana dengan limpah kurniaNya serta taufiq dan hidayatNya, maka penulis berhasil menyiapkan kajian ilmiah yang berbentuk Kertas Projek ini, meskipun menghadapi pelbagai rintangan dan kesukaran.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan berbanyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam membantu dan memberi sumbangan samada berbentuk tenaga, masa, buah fikiran, bahan-bahan penyelidikan, bimbingan dan galakan kepada penulis dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini.

Terlebih dahulu, jutaan terima kasih penulis rakamkan buat Yang berbahagia Al Ustaz Dr. Abdul Halim b. Mat Diah selaku perantara dan pembimbing penulis, merangkap penyelaras Kertas Projek di Fakulti Usuluddin, Akademi Islam. Penghargaan yang tidak terhingga

kerana pengorbanan masa dan tenaga beliau untuk membimbing penulis, di samping memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna serta galakan dalam menyudahkan Kertas Projek ini. Jasa dan sumbangan beliau akan menjadi panduan dan kenangan sepanjang hayat penulis. Hanya Allah s. w. t. sahaja yang mampu membalas jasa baik beliau kepada penulis.

Seterusnya, lafaz terima kasih juga penulis kalungkan buat semua pensyarah yang telah memberi khidmat nasihat dan ilmu serta mendidik penulis selama berada di Akademi Islam, Universiti Malaya. Penulis mengharapkan setulus redha dan doa dari mereka agar dapat menambah keberkatan ilmu dan penghayatan penulis.

Penulis juga menghulurkan serangkaian terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha penulis mendapatkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini, terutama kepada bapa penulis sendiri, Ustaz Sa'ari Hussein yang banyak membantu penulis dalam memahami konsep tasauf dan tariqat serta perkembangan awal Tariqat Ahmadiyah di Kelantan. Tidak lupa juga penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ustaz Muhammad Ridha b. Haji Daud, Imam Muhammad b. Yusuf dan Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi yang sudi untuk memberi maklumat tentang Tariqat Ahmadiyah Kumpulan Bukit Abal. Tidak ketinggalan juga kepada Mufti Negeri Kelantan, Datuk Muhammad b. Che Wook, Ustaz Abdul Rahman b. Hassan, Ustaz Abdul Razak Mahmud dan lain-lain.

Penulis juga mengalungkan setinggi penghargaan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Malaya, Nilam Puri, Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi serta lain-lain pihak yang membantu penulis mendapatkan bahan kajian.

Penulis juga mengaturkan sejambak terima kasih kepada Ibu, Abang Zie, Jue, Die, Man dan Ayu yang turut sama membantu penulis. Begitu juga setinggi penghargaan penulis kepada teman-teman sebilik, seunit dan sahabat-sahabat karib dan seperjuangan yang sama memberi galakan dan sudi menemani penulis ketika melakukan field research.

Akhirnya, Penulis berdoa semoga Allah memberikan Rahmat dan InayahNya kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Penulis sudah dengan lafaz جزاك الله خيرا

كثيرا

Sekian, Terima kasih.

Wassalam.

I6hb. Januari 1990

Che Zarrina Sa'ari
Fakulti Usuluddin
Akademi Islam
Universiti Malaya

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji-pujian untuk Allah s.w.t. Ucapan selawat dan salam ke atas junjungan yang Mulia Nabi Muhammad s.a.w. seterusnya kepada ahli keluarga baginda, para sahabat dan penolong baginda seluruhnya.

Alhamdulillah, sepuh kesyukuran penulis panjatkan ke hadh-rat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya penulis dapat menyiapkan Kertas Projek ini yang bertajuk " Sejarah Perkembangan Tariqat Ahmadiyah Di Pasir Puteh, Kelantan" dalam jangka masa yang ditetapkan. Kajian ini hanya berkisar di jajahan Pasir Puteh sahaja dan tidak melibatkan jajahah dan daerah lain di Kelantan.

Penulis sedar dan insaf bahawa kajian ilmiah ini amat terba-tas, dibatasi oleh kemampuan penulis, kesuntukan masa dan kesukaran mendapatkan bahan-bahan bacaan, maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan. Oleh itu, Kajian ilmiah ini tentunya tidak dapat memben-tang, menganalisa serta menilai keseluruhan proses, amalan dan cara yang dilakukan oleh pengamal Tariqat Ahmadiyah, Kumpulan Bukit Abal ini. Dan sudah tentu terdapat kelemahan dan kecacatan samada yang disedari atau tidak di dalam tulisan ini. Oleh yang demikian penulis sentiasa bersedia untuk menerima kritikan dan nasihat yang membina daripada mana-mana pihak demi untuk mengemaskinikan lagi penyelidi-

kan ini.

Penulis menyedari bahawa telah ada pengkaji yang mengkaji dan menulis tentang Tariqat Ahmadiyah secara umum. Namun penulis merasakan bahawa pengkajian khusus yang memberi penumpuan kepada objek Tariqat Ahmadiyah, Kumpulan Bukit Abal masih belum ada. Oleh kerana itu, penulis telah berusaha untuk mengkaji kegiatan dan pengaruhnya di kalangan pengamal tariqat tersebut. Usaha ini juga didorong oleh rasa ingin tahu penulis tentang Tariqat Ahmadiyah yang menjadi tarikan kepada masyarakat ramai, di samping ingin mendedahkan kepada umum tentang tariqat tersebut.

Walaupun demikian, penulis berharap agar ada di antara para pengkaji dan penulis yang berkeinginan untuk menganalisa setiap proses perkembangan, amalan dan pengaruh Tariqat Ahmadiyah ini secara lebih mendalam. Malahan penulis merasa perlu untuk dibuat pengkajian dalam berbagai aspek lain lagi. Pengkajian dan penganalisaan ini juga perlu untuk mengelakkan masyarakat daripada terjatuh ke dalam penyelewengan agama.

Akhirnya, penulis memohon keredhaan Allah s.w.t. semoga dengan kajian yang sederhana ini akan mendapat keberkatan ilmu dari sudut rohani dan jasmani.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

I6hb. Januari 1990

Che Zarrina bt. Sa'ari

KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iv
KATA PENGANTAR	vii
KANDUNGAN	ix
TRANSLITERASI	

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

A.	Latarbelakang masalah	I
	1) Kelantan Dan Kedatangan Islam	I
	2) Perkembangan Tariqat Ahmadiyah Di Kelantan	..						4
B.	Pengertian Judul Dan Perumusan Masalah	II
C.	Tujuan Penyelidikan	I3
D.	Metodologi Penyelidikan	I4
E.	Sistematika Penulisan	I6

BAB KEDUA

LANDASAN TEORI

A.	Islam	19
B.	Islam, Tasauf Dan Tariqat	21
	1. Definisi Tasauf	22
	2. Definisi Tariqat	25
	3. Matlamat Tasauf Tariqat	27

4.	Sumber, Dasar Dan Ciri Tariqat Tasauf	31
5.	Hubungan Tasauf, ^C Aqidah, Shari ^C at Dan Hakikat	33
C.	Sejarah Ringkas Perkembangan Tasauf	37
D.	Tariqat-Tariqat Mu ^C tabar	42
E.	Tariqat Ahmadiyah Di Zaman Pengasas Utamanya	44
I.	Sidi Ahmad b. Idris	46
2.	Sidi Ibrahim al Rashidi	49
3.	Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi	52

BAB KETIGA

METODOLOGI

Metodologi	54
I) Metod Penentuan Subjek	56
2) Metod Pengumpulan Data	57
I. Metod Historis	57
2. Metod Dokumentasi	59
3. Metod Interview	61
4. Metod Observasi	62
3) Metod Analisa Data	63
I. Metod Induktif	63
2. Metod Deduktif	64
3. Metod Komparatif	65

BAB KEEMPAT

LAPURAN PENYELIDIKAN

I)	Perkembangan Tariqat Ahmadiyah Di Pasir								
	Puteh, Kelantan								67
2)	Amalan-Amalan Utama Tariqat Ahmadiyah								79
I.	Zikir								79
2.	Syarat-Syarat Talqin								87
3.	Adab Dalam Tariqat Ahmadiyah								92
3)	Kesan Dan Pengaruh Tariqat Ahmadiyah								
	Terhadap Masyarakat								95
I.	Keagamaan								96
2.	Sosial								98
3.	Ekonomi Dan Politik								100

BAB KELIMA

PENUTUP

I)	Kesimpulan								103
2)	Saranan								108

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Transliterasi

Sistem ejaan yang digunakan di dalam Kertas Projek ini berdasarkan sistem ejaan rumi baru Bahasa Malaysia. Demikian juga kata-kata Arab yang biasa digunakan di dalam Bahasa Malaysia di eja mengikut sistem ejaan Bahasa Malaysia, kecuali sekiranya kata-kata itu terdapat di dalam rangkaian kalimat Arab, maka sistem ejaannya mengikut sistem ejaan Arab seperti berikut:

(alif)	=	a	ا
(ba')	=	b	ب
(ta')	=	t	ت
(<u>tha'</u>)	=	<u>th</u>	ث
jim	=	j	ج
ha'	=	h	ح
<u>kha'</u>	=	<u>kh</u>	خ
dal	=	d	د
<u>dhal</u>	=	<u>dz</u>	ذ
ra'	=	r	ر
zai	=	z	ز
sin	=	s	س
<u>shin</u>	=	<u>sh</u>	ش
<u>sad</u>	=	s	ص
<u>dad</u>	=	d	ض
<u>ta</u>	=	t	ط
^c ain	=	...c	ع
<u>ghain</u>	=	<u>gh</u>	غ
fa'	=	f	ف

qaf	=	q	ق
kaf	=	k	ك
lam	=	l	ل
mim	=	m	م
nun	=	n	ن
waw	=	w	و
ha'	=	ha	ه
hamzah	=	'	ء
ya'	=	y	ي

Vokal pendek:

<u>ا</u>	=	a
<u>ي</u>	=	i
<u>و</u>	=	u

Diphthong:

اِ	=	ai
اِو	=	aw
اِي	=	iy
اِوِو	=	uww

Tarwin:

<u>ان</u>	=	an
<u>ان</u>	=	in
<u>ان</u>	=	un